

RM1 juta persediaan elak banjir

Jambatan konkrit bagi lancarkan perjalanan air akan dibina di Felda Gedangsa dan Felda Soeharto

HULU BERNAM- Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Hulu Selangor menyediakan peruntukan sebanyak RM1 juta bagi membina jambatan di Felda Gedangsa dan Felda Soeharto sebagai persediaan mengelakkan berlaku kejadian banjir kilat.

Penguasa JPS Hulu Selangor, Halim Masri berkata, walaupun kejadian banjir di Hulu Selangor tidak seteruk di Pantai Timur, tetapi ia tetap menimbulkan kesusahan kepada penduduk.

"Justeru, kita akan memperuntukkan RM1 juta bagi membina lima jambatan menggantikan pementang sedia ada yang dianggap tidak relevan lagi kerana ia tidak mampu menampung air yang banyak jika berlaku hujan lebat.

"Pementang yang sedia

ada terlalu kecil untuk menampung aliran air. Jadi, kita akan gantikan dengan jambatan konkrit untuk tujuan melancarkan perjalanan air jika aliran terlalu banyak ketika berlaku hujan lebat," katanya ketika ditemui semasa melakukan lawatan di dua Felda itu, semalam.

Menurutnya lagi, lawatan itu turut dibuat bagi memastikan punca sebenar berlaku kejadian banjir di Felda Gedangsa dan Felda Soeharto.

"Walaupun, kedua-dua kawasan ini merupakan kawasan yang boleh kita anggap tinggi, tetapi masih ada juga kawasan-kawasan rendah yang mudah berlaku banjir ketika hujan lebat.

"Agak mencabar juga di Hulu Selangor ini kerana kejadian banjir kilat kerap juga berlaku di sini. Ia juga mu-



Halim (tiga, kiri) ketika melawat Felda Gedangsa dan Felda Soeharto bagi memeriksa kawasan yang akan dibina jambatan konkrit menggantikan pementang lama yang menelan kos RM1 juta.

dah datang dan mudah pergi. Contohnya jika saya dapat panggilan kejadian banjir kilat, saya mesti terus ke tempat kejadian segera.

"Kalau tangguhkan atau lambat sampai dalam satu atau dua jam, banjir sudah tia-

da. Hanya tinggal kesan banjir semata-mata. Walaupun, ia banjir kilat dan selalunya banjir tidak terlalu teruk, tetapi kesan-nya tetap ada dan dirasai penduduk dan menjadi tanggungjawab saya untuk membantu dan menyelesaikan masalah

banjir ini. Sekurang-kurangnya kita ada usaha untuk mengatasi masalah banjir kilat itu," katanya.

Menurutnya, pementang yang ada terlalu kecil dan ia perlu diganti dengan lima jambatan bagi mengatasi dan meng-

elakkan masalah banjir kilat dari terus berlaku.

"Kita sudah kenal pasti lima jambatan yang akan dibina itu merupakan kawasan yang kerap berlaku banjir kilat di dua Felda ini. Ketika ini kita sudah pun dalam proses menyediakan tender dan projek kita jangka bermula tahun hadapan.

"Notis tender kita jangka akan dikeluarkan pada Februari tahun hadapan dan pelaksanaan projek kita jangka akan bermula pada bulan Mei.

"Kalau kontraktor yang dilantik mampu jalankan projek itu serentak, kita jangka projek ambil masa empat bulan untuk disiapkan tapi kalau kontraktor buat projek satu demi satu, projek akan mengambil masa setahun untuk disiapkan," katanya.